



"PAHLAWAN SEBENAR".1

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ۗ ۱۶۹ ¹	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya, semoga kita mendapat rahmat-Nya didunia dan diakhirat.	5
Tajuk khutbah pada hari ini ialah "PAHLAWAN SEBENAR." Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,	6
Pahlawan Negara ialah mereka yang telah banyak berkorban dan berjasa kerana memelihara keamanan dan keselamatan negara. Semua anggota tentera, polis, pertahanan awam, pegawai kesihatan dan lain-lain pejuang negara yang merupakan barisan hadapan negara sanggup menggadai diri dan nyawa demi memastikan kita dapat menikmati keadaan aman dan sejahtera pada hari ini. Mereka berdepan dengan bermacam-macam cabaran untuk kepentingan kita. Mereka ikhlas dalam perjuangan kerana Allah dan diberi ganjaran yang berterusan oleh Allah.	7



<p>Diriwayatkan daripada Sahl Ibn Saad al-Sa'idi Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">رِبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا</p> <p><i>"Berjuang di jalan Allah satu hari, lebih baik daripada dunia dan apa yang ada di dalamnya".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Al-Bukhari).</i></p>	8
<p>Begitulah tingginya martabat seorang pahlawan yang diberikan oleh Allah kerana pengorbanan dan perjuangan mereka. Mereka bertugas tanpa mengira masa, tempat, cuaca dan keadaan apa sekalipun asalkan negara dalam keadaan aman, harmoni dan selamat.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	9
<p>Sejarah Islam membuktikan, para pejuang dan pahlawan Islam sanggup mengorbankan diri mereka demi menegakkan kesucian agama dan kedaulatan negara. Mereka meletakkan kepentingan umum melebihi daripada segalanya.</p>	10
<p>Antara mereka yang mempertahankan negara dari tentera-tentera musyrikin seperti Saiyidina Hamzah, Mus'ab bin Umair, Khalid bin Al-Walid dan Saad bin Abi Waqqas. Manakala pejuang-pejuang yang memelihara dan mempertahankan akidah, syariah dan akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah dari serangan puak-puak al-Khawarij, Muktazilah dan Syiah adalah seperti Imam abu al-Hasan al-Asy'ary, Imam Abu Mansur al-Maturidi, Imam Muhammad bin Idris al-Shafei dan Imam Abu Hamid al-Ghazali.</p>	11
<p>Begitu juga sejarah negara kita sendiri yang memiliki pahlawan-pahlawan negara antaranya Leftenan Adnan, Tuan Guru Abd Rahman Limbong, Tok Janggut, Mat Kilau dan ramai lagi telah terkorban menggadaikan nyawa demi menghapuskan penjajahan tentera dan pemikiran yang radikal, penganas komunis dan pengkhianat negara.</p>	12



<p>Sesungguhnya perjuangan mereka ini tidak sia-sia kerana ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 111 :</p> <p>إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ</p>	13
<p><i>“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh.”</i></p>	14
<p>Muslimin yang dimuliakan,</p> <p>Seseorang pahlawan bukan sekadar berjuang mengangkat senjata menentang musuh, tetapi mereka sanggup berkorban menjaga kesejahteraan negara daripada ancaman luar dan penceroboh tanah air kita. Selain itu, kegigihan mereka memastikan rakyat patuh kepada arahan kerajaan dalam memutuskan rantaian Covid-19 pun menjadi tanggungjawab mereka. Begitu besar peranan mereka untuk kesejahteraan dan kesihatan kita semua.</p>	15
<p>Nikmat keamanan pada hari ini tidak akan dapat dirasai tanpa pengorbanan para pahlawan. Oleh itu, kita hendaklah sama-sama mempertahankannya daripada diganggu gugat oleh anasir yang boleh merosakkannya. Sikap mencaci dan memperlekeh tugas malah tidak mempedulikan arahan wajib di jauhi kerana ia menjadi punca kepada kerosakan dalam negara. Sebaliknya kita mestilah mematuhi serta menghargai dan berterima kasih kepada mereka kerana tugas mereka adalah semata-mata untuk kepentingan dan kemudahan kita.</p>	16



<p>Oleh itu semangat perjuangan ini yang tidak putus-putus hendaklah disemai dan ditiup ke dalam setiap jiwa generasi hari ini. Didiklah mereka dengan semangat berkorban dan disiplin yang tinggi sebagaimana ditunjukkan oleh pahlawan negara. Kasihilah pahlawan negara dengan menghargai jasa dan pengorbanan yang telah mereka curahkan. Keamanan dan kesejahteraan pada hari ini adalah sumbangan mereka. Justeru, bersyukurlah kepada Allah yang telah mengurniakan pahlawan-pahlawan berjasa kepada Negara kita yang berkorban demi ketenteraman Negara kita.</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p>	17
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada apa yang telah disampaikan. Antaranya ialah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajiblah meyakini bahawa mempertahankan agama dan negara agar terus kekal aman dan sejahtera adalah perintah daripada Allah.2. Umat Islam hendaklah menghargai keamanan dan kesejahteraan negara ini dengan menjadi warga negara yang berdisiplin dan bertanggungjawab.3. Umat Islam hendaklah sentiasa mendoakan agar perjuangan para pahlawan diterima oleh Allah SWT dengan ganjaran yang berpanjangan.4. Umat Islam adalah pejuang atau pahlawan dalam lingkungan dan cabaran masing-masing. Maka perbetulkanlah niat dan ikhlaskanlah diri dalam menghadapi cabaran akan datang.	18



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رَجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّن يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ۝۳</p>	19
<p><i>“Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Ahzab : 23).</i></p>	20
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	21
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	22



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Hadirin yang berbahagia, Kita sekarang berada dalam sepuluh hari yang pertama dalam bulan Zulhijjah. Tanggal 1 hingga 10 Zulhijjah merupakan hari-hari yang agung bahkan sebahagian ulama mengatakan ia lebih mulia berbanding hari-hari lain sepanjang tahun. Oleh itu, lakukanlah ibadah seperti solat, puasa, sedekah dan seumpamanya yang sangat disukai oleh Allah SWT.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
6	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
7	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
8	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظِفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10
<p>اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ وَاَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَنِ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿١٠﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوْا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاَشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ ۚ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلِيَذْكُرْ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.</p>	14